

08 MAY 1999

MUSTAPA-PERUNDING

MUSTAPA: PERUNDING DILANTIK BANTU KERAJAAN PERCEPAT PROSEDUR KONTRAK

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kerajaan telah melantik perunding untuk menyediakan satu kajian menyeluruh dan memberi input bagaimana prosedur utama dalam proses pemberian kontrak-kontrak untuk projek pembangunan dapat diperlicin dan dipercepatkan, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

"Kita telahpun melantik seorang perunding untuk mengkaji sekurang-kurangnya dua prosedur, pertama ialah prosedur pembayaran kontrak-kontrak dan kedua, prosedur tender kontrak kerajaan (pembangunan) yang diberikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-empat Persatuan Francais Malaysia disini hari ini.

Beliau berkata kerajaan memberikan masa yang singkat selama dua hingga tiga minggu kepada perunding ini supaya menyiapkan kajian serta mengemukakan perakuan bagaimana kerajaan dapat memperbaiki pelaksanaan prosedur-prosedur ini.

Mustapa, yang juga menteri pembangunan usahawan bagaimanapun enggan menyatakan nama perunding berkenaan.

Katanya dari segi prosedur pembayaran, perunding ini akan membuat perbandingan prosedur pembayaran kontrak swasta dengan kerajaan kerajaan, dan juga yang diamalkan di beberapa negara utama yang lain.

Dari segi prosedur tender, beliau berkata mesyuarat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama ketua-ketua setiausaha (KSU) dan pegawai kewangan semua kementerian semalam, telah bersetuju supaya prosedur ini disemak semula.

Beberapa perubahan pada prosedur ini juga telah dibuat bagi mempertingkatkan lagi kecekapannya, katanya.

Dr Mahathir, dalam mesyuarat itu yang dihadiri Mustapa, telah mengarahkan ketua setiausaha dan pegawai kewangan supaya memastikan prosedur birokrasi dilaksanakan dengan pantas agar peruntukan belanjawan pada tahun ini dibelanjakan dalam waktu yang ditetapkan.

Perdana Menteri melahirkan keperihatinan beliau terhadap kelewatan pelaksanaan projek dan perbelanjaan peruntukan, berkata walaupun perkhidmatan awam negara ini lebih cekap berbanding negara membangun lain, banyak ruang masih boleh diperbaiki.

Mustapa berkata sebagai usaha susulan, satu perjumpaan antara KSU dan Perbendaharaan akan diadakan Selasa ini untuk membincangkan masalah-masalah berkaitan pemberian dan pembayaran kontrak.

-- BERNAMA

RIZ MA